

# UMS himpun cendekiawan seni Asia 26 hingga 28 Jun

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

UB 12.6.13 B3

## PERSIDANGAN

Antarabangsa Persembahan Seni dan Industri Kreatif di Asia Ketiga (3rd Pacia 2013) 26 hingga 28 Jun ini bakal menghimpunkan para cendekiawan dan pakar seni untuk berkongsi kepakaran ke arah perkembangan seni di negeri ini.

Pengerusi penganjur yang juga Dekan Sekolah Pengajian Seni UMS, Prof Madya Abdul Jamal Abd Hamid berkata kesenian adalah suatu yang subjektif, namun dengan adanya pertemuan ilmiah akan dapat mencambahkan ilmu seni melalui pembentangan kertas kerja dan sesi soal jawab.

“Melalui persidangan ini, kita berharap dapat membuka lembaran baru dalam ruang lingkup akademik khususnya dalam perkembangan seni di Sabah dan Universiti Malaysia Sabah khususnya,” katanya.

Persidangan anjuran

Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang akan diadakan di Grand Borneo Hotel 1 Borneo di Kota Kinabalu itu dijangka menampilkan 150 pakar seni untuk membentangkan hasil kajian yang mereka kendalikan di institusi masing-masing.

Antara pakar yang dijadual membuat pembentangan ialah peserta dari Universiti of Tasmania, Farhangian University Tehran dan pelbagai badan kesenian institusi pengajian tinggi di wilayah Asia Tenggara.

Pembentangan berkisar kepada kepakaran ilmuan seni melibatkan muzik, tari, persembahan teater, lukisan dan filem. Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun dijadual merasmikan persidangan ini.

Sebarang pertanyaan mengenai persidangan ini diminta menghubungi sekretariat 3rd PACIA 2013, Sharifudin Zainal di talian 016-8209768.